

PENENTUAN KADAR HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN PASANGAN: KAJIAN KES DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH JOHOR BAHRU (*Determination of The Proportion of Matrimonial Property 'After The Death of a Spouse': A Case Study at the Syariah High Court of Johor Bahru*)

Nur Hanis Shafinaz Mahat¹
hanisshafinaz98@gmail.com

Norhoneydayatie Abdul Manap²
norhoney@ukm.edu.my

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Nur Hanis Shafinaz Mahat, & Norhoneydayatie Abdul Manap. (2025). Penentuan kadar harta sepencarian selepas kematian pasangan: Kajian kes di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 237–262. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no3)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has gone peer review process*)

Peroleh: Received:	11/6/2025	Semakan: Revised	15/7/2025	Terima: Accepted:	26/7/2025	Terbit dalam talian: Published online	31/7/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Harta sepencarian diiktiraf oleh undang-undang keluarga Islam di setiap negeri dan boleh dituntut atas sebab perceraian, poligami atau kematian walaupun tidak pernah dinyatakan dalam al-Quran atau hadis. Namun demikian, undang-undang mengenai penentuan kadar pembahagian harta sepencarian selepas kematian pasangan tidak diperuntukkan secara jelas dalam mana-mana statut. Hal ini menyebabkan kekeliruan bagi pihak yang ingin menuntutnya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dalam penentuan kadar pembahagian harta sepencarian bagi tuntutan selepas kematian pasangan. Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu menganalisis dokumen melalui kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dari tahun 2022 hingga tahun 2024. Selain itu, temu bual separa

berstruktur dilakukan terhadap seorang hakim syarie, penolong pendaftar dan pegawai sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kadar pembahagian harta sepencarian yang ditetapkan oleh mahkamah berbeza-beza disebabkan oleh tafsiran yang tidak seragam berhubung takat sumbangan yang diberikan oleh pihak terbabit. Oleh itu, pengkaji mencadangkan penggubalan satu garis panduan khusus tentang penetapan kriteria sumbangan dan tempoh tuntutan, serta memastikan penentuan harta sepencarian dilakukan sebelum pembahagian pusaka difaraidkan bagi menjamin keadilan dan keseragaman dalam pelaksanaan tuntutan.

Kata kunci: Undang-undang keluarga Islam, harta sepencarian, kematian pasangan, pembahagian harta sepencarian, sumbangan pasangan, Mahkamah Tinggi Syariah

Abstract

Matrimonial property is recognised under Islamic Family Law in every state and may be claimed on the grounds of divorce, polygamy, or death even though it is not explicitly stated in the Quran or hadis. However, the law regarding the determination of the proportion of matrimonial property after the death of a spouse is not clearly provided for in any statute, which leads to confusion for parties wishing to make such claims. Therefore, the objective of this study is to identify the approach taken by the Syariah High Court of Johor Bahru in determining the distribution rate of matrimonial property in claims made after the death of a spouse. This qualitative research involves document analysis of cases reported at the Syariah High Court of Johor Bahru from 2022 to 2024. In addition, semi-structured interviews were conducted with a Syariah Judge, an assistant registrar, and a sulh officer from the same court. The findings of the study show that the proportion of claim distribution determined by the court is based on the extent of each party's contribution. Therefore, the study suggests that a specific guideline should be formulated to outline the criteria for contribution and the time frame for claims, as well as to ensure that the determination of matrimonial property is made prior to the distribution of inheritance under faraid, in order to guarantee fairness and consistency in the implementation of such claims.

Keywords: Islamic Family Law, matrimonial property, death of a spouse, distribution of matrimonial property, spousal contribution, Syariah High Court, claims

PENDAHULUAN

Harta sepencarian merupakan harta yang diperoleh secara bersama antara suami dengan isteri sepanjang tempoh perkahwinan, sama ada melalui sumbangan langsung atau sumbangan tidak langsung (Zaleha Kamaruddin, 2009). Dengan berdasarkan Seksyen 2 Enakmen Undang-undang keluarga Islam, harta sepencarian ditakrifkan sebagai harta yang diperoleh secara bersama oleh suami isteri ketika tempoh perkahwinan berkuat kuasa mengikut hukum syarak dan takrifan ini seragam di seluruh negeri dengan sedikit perbezaan istilah berdasarkan enakmen negeri masing-masing dan dikanunkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di setiap negeri (Mohd Shukri Ahmad, 2019). Di Johor, pembahagian harta sepencarian terletak di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 berdasarkan Seksyen 122 yang memperuntukkan bahawa mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan pembahagian harta sepencarian antara suami dengan isteri atau antara waris suami dan isteri yang meninggal dunia. Mahkamah mengambil kira sumbangan masing-masing dalam perolehan harta tersebut, termasuklah sumbangan dalam bentuk kewangan, tenaga dan sumbangan lain yang relevan.

Di negeri lain, seperti Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Selangor, mahkamah diperuntukkan kuasa untuk memerintah pembahagian harta sepencarian di bawah seksyen yang sama, iaitu Seksyen 122 dalam enakmen undang-undang keluarga Islam masing-masing (Mohd Anuar Ramli et al., 2024). Namun begitu, tuntutan harta sepencarian selepas kematian tidak diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana undang-undang keluarga Islam di Malaysia, sebaliknya amalan ini digunakan oleh mana-mana negeri berpandukan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), iaitu tuntutan harta sepencarian dibolehkan, sama ada ketika tuntutan perceraian atau selepas perceraian atau selepas kematian mana-mana pihak. Terdapat beberapa negeri yang turut mengeluarkan fatwa bagi mengharuskan tuntutan harta sepencarian selepas berlaku kematian pasangan. Contohnya, di Kelantan jemaah ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, mengeluarkan fatwa pada 18 Ogos 2002 dan menetapkan bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan selepas berlakunya kematian suami atau isteri.

Jawatankuasa Fatwa Negeri (Selangor) pulaewartakan fatwa pada 23 Jun 2005 berkenaan pembahagian harta sepencarian selepas kematian. Dalam fatwa ini harta sepencarian selepas kematian dalam perkahwinan

di Selangor dibahagikan kepada suami atau isteri sebelum difaraidkan, termasuklah selepas dilepaskan tanggungan si mati. Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung daripada kedua-dua belah pihak dan persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah mahkamah. Tuntutan kepada mahkamah perlu dilakukan bagi mendapatkan perintah pembahagian harta sepencarian selepas kematian dan tuntutan ini tidak diberikan secara terus.

Namun begitu, tuntutan harta sepencarian selepas kematian sering menimbulkan kekeliruan apabila berlaku pertembungan antara harta sepencarian dengan harta pusaka. Antara pertembungan yang berlaku, terutamanya terhadap harta tak alih termasuklah pendaftaran turun milik harta tersebut kepada suami atau isteri yang masih hidup sekiranya diperintahkan oleh mahkamah syariah yang perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang tanah utama negara, iaitu Kanun Tanah Negara (KTN). Hal ini menyebabkan penentuan pembahagian harta sepencarian berlaku secara tidak adil, pembuktian sumbangan kesukaran dan ketidaksepakatan antara pihak yang menuntut dengan ahli waris si mati (Suwaid Tapah, 2003). Kadangkala, waris tidak bersetuju dengan tuntutan harta sepencarian kerana menganggap sebahagiannya pusaka dan sukar memahami prosedur penentuan harta pusaka atau harta sepencarian. Konflik bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil juga terpalit disebabkan oleh perkara probet dan surat kuasa mentadbir apabila pihak pentadbir tanah keliru, sama ada perlu melaksanakan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah atau mahkamah sivil yang berkaitan dengan pendaftaran turun milik harta si mati (Rabi'ah Muhamamad Serji et al., 2021).

Selain itu, tiada peruntukan khusus berkenaan tuntutan harta sepencarian dalam terma “selepas kematian” yang jelas tidak termaktub dalam mana-mana undang-undang Islam di Malaysia. Hal ini menyebabkan berlaku beberapa masalah terhadap prosedur tuntutan harta sepencarian, penentuan takat sumbangan perolehan harta sepencarian dan kadar pembahagian harta sepencarian selepas kematian (Mohamad Ali Roshidi Ahmad, 2021). Hal ini terutamanya bagi penentuan kadar pembahagian harta sepencarian selepas kematian yang menggunakan pendekatan hakim yang tidak jauh berbeza daripada yang diputuskan dalam kes yang dilaporkan dalam jurnal hukum daripada mahkamah syariah lain di Malaysia. Semua pendekatan hakim mahkamah agak berbeza daripada fatwa di mahkamah (Zanariah Noor et al., 2023). Peruntukan tersebut

hanya terkandung dalam Amalan Arahan No 5 JKSM yang bersifat pentadbiran yang menyatakan bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan, sama ada ketika tuntutan perceraian, selepas perceraian atau selepas kematian. Segala prosedur, kaedah atau bahagian harta sepencarian selepas kematian, tidak ada dalam mana-mana undang-undang keluarga Islam (Miszari et al., 2010). Setiap kadar bahagian harta bergantung pada elemen yang disahkan dan diputuskan oleh hakim mahkamah dan menyebabkan berlakunya perbezaan dalam keputusan antara kes yang hampir serupa (Azlina Abd. Latiff, 2004).

Oleh itu, pengkaji membincangkan hal yang berkaitan dengan kadar tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan menurut pandangan fiqah dan menganalisis penentuan kadar harta sepencarian yang diputuskan oleh hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru untuk mengenal pasti kadar penentuan harta sepencarian yang diputuskan oleh mahkamah untuk diberikan kepada pihak yang menuntut selepas kematian pasangan.

KAJIAN LEPAS

Harta sepencarian termasuk dalam hak suami dan isteri yang terlibat dalam perkahwinan kerana sama-sama berusaha mencari harta, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Apabila harta tergolong dalam hak hamba atau hak manusia semata-mata, hak seseorang terhadap sesuatu harta tidak tergugur daripada orang tersebut, melainkan digugurkan oleh orang yang mempunyai hak (Mualimin Mochammad Sahid & Setiyawan Gunard, 2019). Menurut al-Syarbini, fuqaha bersepakat bahawa semua hak waris yang berbentuk harta atau yang berkaitan dengan harta pusaka adalah seperti tanah, kenderaan atau hutang. Contoh harta yang bukan secara langsung pula ialah hak syuf'ah, hak pilihan (khiyar), hak mendapat manfaat dengan harta yang diwasiatkan, hak menahan barang jualan sehingga dibayar harganya dan dipusakai mengikut mazhab Maliki, mazhab Shafie dan mazhab Hambali. Hal ini berdasarkan maksud sabda nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, iaitu sesiapa yang meninggalkan hak atau harta, maka perkara tersebut milik warisnya kematiannya.”

Dalam hadis ini, Islam mengiktiraf hak harta dan pemindahannya mengikut syarak dan harta sepencarian mungkin menjadi sebahagian daripada harta yang diwarisi jika tidak dituntut sebelum kematian. Konsep harta sepencarian ialah hasil adaptasi hukum Islam terhadap keperluan semasa dan adat yang tidak bercanggah dengan syarak. Menurut Mohd

Norhusairi Mat Hussin dan Raihanah Abdullah (2016), umumnya, konsep harta sepencarian ditemukan secara langsung dalam adat masyarakat Melayu Nusantara yang mungkin tidak didapati di negara lain, seperti di Eropah. Selepas kemerdekaan, tuntutan harta sepencarian dikanunkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di setiap negeri dengan beberapa keadaan, iaitu selepas perceraian, poligami dan kematian satu pihak.

Menurut Khairani Nawawi (2019), berdasarkan kes tuntutan harta sepencarian yang diputuskan di mahkamah syariah di setiap negeri, pembahagian kadar harta berbeza-beza terhadap nilai harta yang diperoleh dalam perkahwinan. Sebagai contoh, dalam kes *Hajjah Lijah Bt Jamal lwn Fatimah Binti Mat Diah* [1950] MLJ 63 yang diputuskan di Kelantan berkenaan tuntutan harta sepencarian selepas kematian, hakim mengambil kira bahawa harta yang diperoleh ialah hasil usaha bersama pasangan ketika perkahwinan walaupun tiada sumbangan kewangan secara langsung daripada pihak isteri. Dalam hal ini, ukuran bahagiannya dinilai berdasarkan sumbangan secara tidak langsung, iaitu pelaksanaan tanggungjawab dalam pengurusan rumah tangga dan penjagaan suami yang dianggap sebagai usaha. Oleh itu, hakim memutuskan bahawa $\frac{1}{2}$ ialah nilai harta sepencarian.

Di Kedah, harta sepencarian dibahagikan pada kadar $\frac{1}{3}$ bagi kes *Aishah Binti Zakaria lwn 6 yang lain*, $\frac{1}{2}$ bagi kes *Halimah Binti Awang lwn Mohd Azmi Bin Shafie*. Kedua-dua kes ini dapat dianalisis alasan kehakimannya, iaitu kadar bahagiannya tidak konsisten dari satu negeri ke negeri lain atas faktor sumbangan dan jenis harta yang berbeza-beza, serta peranan sulh yang dilaksanakan dalam setiap kes. Kadangkala, setiap kes tidak dapat dinilai kerana tiada bukti yang mencukupi, tempoh perbicaraan terlalu singkat dan harta tersebut dihabiskan oleh waris untuk pihak yang menuntut, seperti dalam kes *Siti Kalsamah lwn Mohd Zain*. Oleh hal yang demikian, kes mahkamah terdahulu juga menunjukkan bahawa keputusannya berbeza-beza bergantung pada kekuatan bukti dan dokumen yang dikemukakan di mahkamah. Keadaan ini jelas menimbulkan kesukaran bagi pihak yang menuntut dalam pembuktian sumbangannya secara spesifik, seterusnya mempengaruhi jumlah tuntutan yang diberikan. Selain itu, terdapat cabaran dalam penentuan bahagian yang sepatutnya diberikan kepada pasangan atau waris yang menuntut, seterusnya menjadikan proses tuntutan lebih rumit dan tidak seragam.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Zarinna Abu Zarin dan Hamidah Mat (2024), terdapat beberapa isu utama yang berkaitan dengan pengurusan harta sepencarian di Malaysia, iaitu terdapat ketidakfahaman yang meluas tentang undang-undang yang berkaitan dengan harta sepencarian yang menyebabkan ketidakpastian dan konflik dalam proses pembahagian harta ketika perceraian atau kematian. Oleh itu, terdapat kekurangan dalam pembahagian harta yang adil dan seimbang antara pasangan yang dapat menjadi sumber ketegangan. Dalam hal ini, terdapat beberapa cadangan tentang langkah yang berkaitan dengan isu ini, iaitu menambah baik undang-undang sedia ada, meningkatkan pendidikan undang-undang dan mempromosikan kesedaran masyarakat, menyediakan perkhidmatan profesional yang berkualiti, serta reformasi undang-undang dan dasar yang relevan.

Permasalahan ini juga dibincangkan oleh Mohd Norhusairi Mat Hussin (2017) yang mengulas kes *Norhayati binti Yusoff lwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani* apabila mahkamah membenarkan tuntutan wang KWSP sebagai harta sepencarian sedangkan sudah terdapat fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2005 yang menyatakan bahawa wang KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Sebaliknya, wang KWSP merupakan harta pusaka yang akan diwarisi oleh waris apabila pencarumnya meninggal dunia (Muhammad Adilah Supardan, 2023). Menerusi Seksyen 122(4) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan), mahkamah diperuntukkan panduan untuk mempertimbangkan satu kadar yang lebih besar agar diberikan kepada pihak yang mengusahakan sesuatu harta dengan usaha tunggal pihak tersebut. Hasil kes ini menunjukkan bahawa mahkamah syariah sedaya upaya untuk memaksimumkan hak dan bahagian yang diperoleh oleh pihak yang terlibat dalam pertikaian harta sepencarian. Kepatuhan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang juga menjadi elemen paling penting dalam sesuatu kes. Kegagalan untuk mematuhi prosedur menyebabkan ruang dan maksud keadilan dalam sesebuah undang-undang tidak dicapai dengan sempurna.

Dalam kajian Mohd Anuar Ramli et al. (2024), elemen sumbangan dalam pembahagian harta sepencarian termasuk dalam sumbangan langsung dan tidak langsung oleh pasangan sepanjang perkahwinan. Pembahagian ini selari dengan pemberian hak kepada wanita, sama ada sumbangannya ada secara langsung atau tidak langsung bagi membantu meringankan beban kewangan rumah tangga. Bagi wanita yang berhak, hak bahagiannya pada kadar yang wajar, sama ada $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$ dan seumpamanya,

bersesuaian dengan takat sumbangannya. Pengkaji tersebut berusaha untuk meneliti elemen sumbangan wanita Melayu–Islam di Malaysia dalam kewangan rumah tangga yang akhirnya mendapat peruntukan hak tuntutan harta sepencarian di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu kajian kes untuk mengetahui permasalahan dan realiti yang berlaku bagi mendapatkan maklumat yang mendalam tentang tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan yang dituntut di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Pendekatan analisis dokumen diterapkan dalam kajian ini, iaitu menganalisis Enakmen Undang-undang keluarga Islam Negeri-negeri di Malaysia, terutamanya di Johor, fatwa yang diwartakan dan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian yang dibincangkan dalam Jurnal Hukum dan artikel ilmiah. Selain itu, fail kes yang direkodkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru antara tahun 2022–2024 yang berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian selepas kematian turut dianalisis untuk mengenal pasti pendekatan mahkamah apabila membuat keputusan bagi pembahagian kadar tuntutan.

Pengkaji menggunakan pensampelan rawak mudah terhadap kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Daripada 30 kes yang dicatatkan dalam tempoh tiga tahun bermula pada akhir tahun 2022 hingga tahun 2024, pengkaji memilih 13 kes secara rawak untuk dikaji sebagai sampel kajian.

Selain itu, temu bual separa berstruktur turut dilakukan untuk mendapatkan pandangan mengenai penetapan tempoh had masa tuntutan harta sepencarian. Pemilihan sampel temu bual ini dilakukan dengan menggunakan persampelan bertujuan. Subjek yang dipilih untuk menjalankan temu bual ini terdiri daripada seorang hakim (informan 1), seorang pendaftar kanan mahkamah (informan 2) dan seorang pegawai sulh (informan 3) di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru. Informan yang dipilih ini ialah individu atau pihak yang berautoriti dan berkuasa bagi mengetahui dan memutuskan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan teori kadar tuntutan harta sepencarian menurut fiqah, kadar tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan

berdasarkan peruntukan undang-undang, amalan penetapan kadar tuntutan harta sepencarian selepas kematian pasangan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dan cadangan penambahbaikan terhadap kadar tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Teori Kadar Tuntutan Harta Sepencarian Menurut Fiqah

Kaedah fiqah, iaitu uruf adat masyarakat dalam tuntutan harta sepencarian terdiri daripada adat perpatih dan adat temenggung. Adat perpatih merangkumi beberapa aspek undang-undang, seperti peraturan pembahagian harta benda. Tiga bentuk harta yang ditetapkan dalam adat perpatih ialah harta antara suami dengan isteri dalam perkahwinan, harta pembawa, iaitu harta yang dibawa oleh suami dan harta dapatan yang dimiliki oleh isteri (Azlina Abd. Latiff, 2004). Terdapat kes terdahulu yang merupakan amalan masyarakat sebelum harta sepencarian diiktiraf oleh undang-undang keluarga Islam, seperti kes *Hasmah bte Omar lwn Abd Jalil*. Dalam kes ini, hakim Mahkamah Syariah Negeri Sembilan menyatakan bahawa pembahagian harta hendaklah diputuskan berdasarkan adat perpatih yang dikenali sebagai harta carian laki bini (Ahmad Hidayat Buang, 2003). Dalam hal ini, harta tersebut dibahagi dua antara suami dengan isteri menurut ketetapan dalam perbilangan, iaitu dibahagi sama banyak apabila berlaku cerai hidup.

Selain itu, peraturan adat terdahulu menetapkan bahawa harta tersebut diserahkan kepada keluarga suami sekiranya suami meninggal dunia tanpa meninggalkan anak. Namun begitu, semua harta kekal milik isteri dan anak, serta dibahagikan antara mereka tanpa perlu sama rata jika suami meninggalkan anak. Peraturan ini diakui oleh undang-undang yang dibuat di Negeri Sembilan. Oleh itu, ada sudut perbincangan terhadap pemilikan harta suami dan isteri bagi setiap harta dan bahagian yang diperoleh (Siti Zalikah Md. Nor, 1996). Islam mengiktiraf pemilikan harta kedua-duanya yang diperoleh melalui hasil usaha sama dan sumbangan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 32 (Tafsir Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran, 2013).

Menerusi terjemahan ini, Islam mengiktiraf sumbangan suami isteri yang selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh al-Quran. Tafsiran Ibnu Kathir terhadap makna ayat ini ialah penegasan larangan terhadap sifat iri hati tentang kelebihan yang dikurniakan Allah kepada orang lain, seperti jantina, kedudukan atau harta. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa terdapat persoalan wanita terdahulu yang bertanyakan alasan

lelaki mendapat lebih banyak bahagian dalam warisan dan pahala jihad. Allah SWT menjelaskan bahawa setiap individu lelaki atau perempuan akan diberi ganjaran berdasarkan usaha masing-masing. Sumbangan isteri, sama ada secara langsung atau tidak langsung, ialah usaha yang diiktiraf oleh syarak. Oleh itu, pembahagian harta sepencarian hendaklah dilakukan berdasarkan kadar sumbangan, bukannya faktor jantina, selaras dengan prinsip keadilan Islam.

Menurut kaedah fiqah, tiada perbahasan berkenaan kadar harta sepencarian secara khusus yang diputuskan kerana perkara ini bergantung pada tahap sumbangan dalam pemilikan. Namun begitu, isu berhubung pertikaian suami isteri dalam pertikaian terhadap pemilikan harta dibincangkan dalam kitab fiqah. Antaranya termasuklah dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah di al-Siyasah al-Syariyyah* (Ibn Qayyim), *al-Umm* (al-Shafi'i 1983:103), *al-Furuq* (al-Qarafi 2001:939) *al-Fatawa al-Fatanniyyah* (al-Fatini 1377H:104) dan pelbagai lagi (Khairani Nawawi, 2019). Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyah, dinyatakan bahawa pemilikan harta sepencarian tidak semestinya ditentukan berdasarkan nama pemegang atau pendaftar, sebaliknya ditentukan melalui bukti usaha, dalil sokongan atau sumbangan bagi memperoleh harta tersebut. Dalam hadis ini juga, dibincangkan secara kiasan bahawa perkakas rumah dengan harta lain, seperti rumah, tanah dan sebagainya yang diperoleh daripada usaha bersama-sama ketika kedua-duanya masih suami isteri selagi tidak ada bukti lain yang menunjukkan bahawa harta itu sudah dibahagikan atau ada hak masing-masing atau dibahagi pusaka atau sebagainya. Suami isteri berhak untuk mewarisi harta peninggalan masing-masing sekiranya berlaku kematian antara kedua-duanya (Kamarul Azmi, & Azhar Muhammad, 2006). Islam melarang keras sesiapa sahaja yang cuba mencerooboh hak kepunyaan orang lain.

Kesukaran penentuan kadar hak seseorang bagi hasil pendapatan kerjasama, sama ada hasil itu hasil pendapatan yang dikira sebagai kepunyaan seorang sahaja atau bersama dengan yang lainnya yang dikira sebagai pembantu suka rela yang tidak berhak mendapat hasil pendapatan tersebut kecuali dengan keredaan daripada pihak yang diandaikan sebagai pemilik tunggal yang berhak atau hasil dapatan itu dianggap sebagai kepunyaan bersama antara penyumbang tenaga (Abd. Kadir Hj. Ismail, 1983). Oleh itu, apa-apa jua kedudukan harta sepencarian tersebut, pihak suami atau isteri tetap mempunyai hak masing-masing.

Kadar Tuntutan Harta Sepencarian selepas Kematian Pasangan Berdasarkan Peruntukan Undang-undang

Menurut Mohd Zamro Muda (2018), bagi penentuan kadar tuntutan harta sepencarian, harta tersebut hendaklah diberikan berdasarkan takat sumbangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada kedua-dua pihak. Pasangan yang hidup, terutamanya balu, sewajarnya menyedari haknya terhadap harta sepencarian peninggalan pasangannya. Sebelum pembahagian pusaka dilakukan, harta atau aset yang boleh dikategorikan sebagai harta sepencarian hendaklah disenaraikan. Oleh itu, tidak semua harta peninggalan pasangan boleh dikategorikan sebagai harta sepencarian. Hal ini tertakluk di bawah Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 terhadap kuasa mahkamah yang memerintahkan pembahagian harta sepencarian, iaitu pada fasal:

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

- (a) takat sumbang-sumbangan yang dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu
- (b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang dilakukan bagi manfaat bersama mereka
- (c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

Dalam fasal Perkara (4)(a)(b) dalam Seksyen 122 juga dijelaskan bahawa mahkamah dalam pelaksanaan kuasanya di bawah Subseksyen (3):

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- (a) takat sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga;
- (b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi dalam

apa-apa hal, pihak yang memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

Menerusi peruntukan yang dinyatakan, penentuan kadar bahagian harta sepencarian menitikberatkan sumbangan yang dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam perolehan dan pemajuan aset tersebut. Sumbangan ini dijadikan faktor utama dalam penentuan kadar bahagian yang boleh dituntut. Aset yang diperoleh hendaklah dihasilkan melalui usaha satu daripada pihak yang memberikan hak kepada pihak lain untuk menuntut bahagian mereka dalam harta tersebut.

Selain itu, faktor sumbangan juga merangkumi aspek kebajikan keluarga, termasuklah pemeliharaan rumah tangga dan penjagaan keluarga. Menurut Mohd Anuar Ramli et al. (2024), keputusan mahkamah dalam penentuan kadar bahagian harta bersifat fleksibel dan bergantung pada keadaan setiap kes. Mahkamah menilai pelbagai aspek sebelum membuat ketetapan, dan pihak yang menuntut perlu membuktikan sumbangannya secara langsung kepada mahkamah. Dengan berdasarkan bukti yang dikemukakan, mahkamah menilai dan memutuskan pembahagian harta secara adil, serta mengikut lunas undang-undang.

Dari sudut pertimbangan mahkamah pula, hakim mempunyai budi bicara untuk membahagikan aset atau hasil jualan berdasarkan kadar yang munasabah. Walau bagaimanapun, pihak yang memperoleh aset tersebut melalui usahanya sendiri akan diberikan bahagian yang lebih besar sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya.

Beberapa negeri, iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, memperuntukkan takat sumbangan tuntutan harta sepencarian di bawah Seksyen 122 seperti yang terdapat dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 berkenaan dengan kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian, iaitu kadar pembahagian harta ditentukan berdasarkan Subseksyen (2)(a) (b)(c) dan Subseksyen 4(a)(b), iaitu sumbangan secara langsung dan tidak langsung. Menurut hujah hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak dalam kajian Mohammad Taifor Ahmad Rusdi (2020), penentuan kadar harta sepencarian harus berdasarkan sumbangan kedua-dua pihak dalam pemerolehan harta tersebut.

Oleh itu, dengan merujuk Subseksyen (2)(a)(b)(c) dan Subseksyen 4(a)(b) dalam Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 yang dihuraikan ini, maksud bagi penentuan kadar harta sepencarian selepas kematian pasangan adalah jelas. Namun begitu,

dalam setiap pelaksanaan mengikut apa-apa yang diperuntukkan, hakim masih berhadapan dengan cabaran dalam penentuan kadar yang lebih adil bagi setiap pihak kerana sumbangan daripada setiap pihak berbeza-beza dari segi bentuk, nilai dan bukti yang dikemukakan.

Amalan Penetapan Kadar Tuntutan Harta Sepencarian selepas Kematian Pasangan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru

Kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru menunjukkan adanya perbezaan kadar pembahagian harta. Perolehan kadar harta bergantung pada takat sumbangan yang diperoleh daripada pihak suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan. Dengan merujuk 13 kes yang dianalisis di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, didapati bahawa nilai kadar harta sepencarian selepas kematian ditentukan berdasarkan keputusan dan penilaian hakim. Kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Contoh kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Tahun	Maklumat Kes	
2022	Kes	<i>Mohd Fauzan bin Khausan lwn Omiah binti Mustafa dan 5 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Sulh
	Kadar tuntutan yang diputuskan	50% ialah milik plaintif dan 50% ialah milik si mati sebagai harta pusaka yang diserahkan kepada ahli waris. Sekiranya hartanah itu dijual 50%, hasil jualan ialah milik plaintif dan ahli waris si mati perlu diberi selepas ditolak hutang dan kos yang terlibat bagi si mati.
2023	Kes	<i>Safrina binti Muhammad lwn Nyonya binti Osman dan 6 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Semua harta tidak alih diiktiraf sebagai harta sepencarian bagi plaintif dan si mati. Sebanyak 50% daripada semua harta diserahkan kepada plaintif dan 50% diberikan kepada ahli waris. Sebanyak $\frac{1}{3}$ bahagian bukan daripada harta sepencarian oleh plaintif dan si mati.

Sambungan **Jadual 3** Contoh kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Tahun	Maklumat Kes	
2023	Kes	<i>Sufiah binti Jahar lwn Noor Aini dan 3 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	½ ialah bahagian daripada nilai harta tak alih yang diberikan oleh defenden kepada plaintif. Plaintif diberi kebenaran dan kebebasan untuk meletakkan hak di bawah Seksyen 420 Kanun Tanah Negara dengan cara mendaftarkan nama plaintif dalam dokumen hak milik asal yang dikurniakan sebagai harta sepencarian.
2023	Kes	<i>Sahariffah Ruhana binti Syed Ar-Rahman lwn Abdul Malik bin Muda dan 5 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	½ ialah bahagian harta sepencarian milik plaintif sebelum harta dibahagikan mengikut faraid kepada waris dan ⅔ ialah bahagian si mati yang dibahagikan kepada waris.
2023	Kes	<i>Ruzeyana binti Zainal Abidin lwn Md Zan bin Midon dan 6 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	½ harta tidak alih dan harta alih yang dimiliki oleh si mati diberikan kepada plaintif dan baki ½ lagi bahagian difaraidkan kepada ahli waris.
2023	Kes	<i>Fatimah binti Hassan lwn Zulkiflee bin Yaacob</i>
	Sebab tuntutan	Cerai hidup sebelum kematian suami
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Bahagian ⅓ tanah 1 dan ⅓ tanah 2 diberikan kepada plaintif. Hak milik ½ plaintif diiktiraf oleh FELDA dan menurut peruntukan undang-undang berdasarkan geran asal. Oleh itu, plaintif tiada pilihan selain memfailkan kes di mahkamah kerana waris si mati telah mengambil kuasa terhadap harta sepencarian si mati melalui Pejabat Pusaka Kecil. Plaintif pula tidak disenaraikan sebagai benefisiari dalam permohonan pusaka kecil tersebut kerana telah bercerai hidup dengan si mati.

Sambungan Jadual 3 Contoh kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Tahun	Maklumat Kes	
2023	Kes	<i>Susilawaty binti Marzuki lwn Nafsiyah @ Nafsirah binti Suradi dan 6 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Mahkamah memerintahkan semua harta tidak alih dibahagikan 70:30 antara plaintif dengan defendan 1 hingga defendan 6. Hasil jualan kereta digunakan untuk penyelesaian dan kereta model Mazda diserahkan kepada plaintif untuk memudahkan urusan persekolahan anak dan harian plaintif, dan plaintif tidak akan memfailkan tuntutan yang berkaitan dengan nafkah anak terhadap defendan 1 hingga defendan 6.
2023	Kes	<i>Norhafizah Rinaz binti Salim lwn Roslinda binti Che Man</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Semua bahagian harta tak alih, iaitu sebuah rumah teres, dibahagikan seperti yang berikut: ½ bahagian diserahkan kepada plaintif sebagai harta sepencarian, manakala baki ½ lagi merupakan milik si mati. Bahagian ½ milik si mati hendaklah dipindah milik kepada plaintif. Sebagai penyelesaian penuh terhadap tuntutan harta sepencarian bagi rumah tersebut, plaintif hendaklah membayar RM120,000 kepada defendan.
2023	Kes	<i>Surinilawati binti Abdul Wahid lwn Mohd Sifillah bin Nordin dan 1 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Harta tak alih, iaitu sebuah rumah, ialah ½ milik plaintif dan ½ lagi diserahkan kepada ahli waris. Bagi harta alih, iaitu sebuah kereta, ½ daripadanya milik plaintif.
2023	Kes	<i>Nafisah binti Azman lwn Samsudin bin Ali dan 1 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama

Sambungan Jadual 3 Contoh kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Tahun	Maklumat Kes	
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Mahkamah meluluskan harta sepencarian berdasarkan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003 (EUJS) dan mengisytiharkan bahawa plaintif berhak mendapat 80% harta hartanah dan 20% lagi milik si mati. Kereta Toyota Corolla WAB 1451 diberikan hak 100% kepada plaintif. Defendan 1 dan defendan 2 diberi kerjasama penuh bagi apa-apa urusan terhadap pengurusan harta si mati. Alasan kehakiman merujuk kes <i>Yang Chik Hashim lwn Abdul Rahim JH 6/1</i> hlm. 146.
2023	Kes	<i>Heryati binti Md Daud lwn Sulaiman @ Salim bin Siraj dan 6 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Mahkamah memutuskan rumah ialah harta sepencarian antara plaintif dengan si mati dan $\frac{3}{4}$ ialah milik plaintif, manakala $\frac{1}{4}$ milik si mati. Semua kenderaan berjenama dimiliki sebanyak $\frac{1}{2}$ oleh plaintif dan $\frac{1}{2}$ bahagian milik si mati yang diserahkan kepada ahli waris.
2024	Kes	<i>Norhayani binti Abdullah lwn Pookujah binti Paiman dan 16 yang lain</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Mahkamah memutuskan bahawa tanah pertanian di Mukim Ayer Baloi, Lot 72 adalah $\frac{1}{3}$ milik plaintif, manakala $\frac{2}{3}$ merupakan harta pusaka si mati, manakala tanah lot PTD 9141, rumah kediaman dan sebuah kereta ialah $\frac{1}{1}$ (satu satuan) milik plaintif. Mahkamah turut memerintahkan Pentadbir Tanah Negeri Johor untuk mendaftarkan peletakan hak tersebut selaras dengan peruntukan Seksyen 420 dan Seksyen 421 Kanun Tanah Negara 1965, serta mengeluarkan Perintah Pembahagian bagi harta pusaka si mati, dan defendan kedua tidak berhak menuntut sebarang bahagian terhadap harta yang diisytiharkan oleh mahkamah sebagai harta sepencarian plaintif dan tidak boleh dianggap sebagai harta pusaka si mati.

Sambungan Jadual 3 Contoh kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Tahun	Maklumat Kes	
2024	Kes	<i>Abd Rahmat bin Abd Rahman lwn Baitumal</i>
	Sebab tuntutan	Cerai mati
	Kaedah tuntutan	Persetujuan bersama
	Kadar tuntutan yang diputuskan	Mahkamah memutuskan bahawa 90% daripada nilai harta ialah harta sepencarian milik plaintif, manakala baki 10% milik si mati. Walaupun Baitulmal merupakan waris harta pusaka si mati, mahkamah mengambil kira bahawa separuh daripada keseluruhan harta pusaka merupakan jumlah yang besar dan plaintif memberikan sumbangan secara langsung dalam pemilikan harta tersebut. Dalam alasan kehakiman, turut dinyatakan bahawa plaintif berhenti kerja pada tahun 2021 untuk menjaga si mati yang menghidap penyakit saraf tunjang dan dirawat di hospital dalam tempoh satu tahun.

Dengan berdasarkan kes yang dikaji ini, harta yang dibincangkan dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian terdiri daripada harta tak alih, seperti tanah, rumah kedai dan lot tanah yang didaftarkan di pejabat tanah, serta harta alih, seperti kenderaan berjenama yang dimiliki oleh si mati. Plaintif/pemohon juga terdiri daripada pihak suami, isteri dan bekas isteri, manakala pihak defendan dalam kalangan ahli waris yang layak menerima harta pusaka mengikut prinsip faraid.

Bagi menentukan hak dan kadar bahagian harta sepencarian daripada kes yang dinyatakan, hakim membuat keputusan berdasarkan takat sumbangan secara langsung dan tidak langsung antara plaintif dengan si mati sepanjang tempoh perkahwinan. Dalam kes yang dianalisis ini, kadar bahagian ditentukan berdasarkan pembuktian secara langsung terhadap harta alih dan tidak alih yang dituntut. Harta tersebut jelas dimiliki oleh plaintif dan si mati dalam tempoh perkahwinan, terutamanya pada harta tak alih, seperti tanah, rumah, kedai dan syarikat yang mempunyai penama geran atas nama suami, dan isteri seperti yang dibincangkan dalam kes *Ruzeyana binti Zainal Abidin lwn Md Zan bin Midon dan 6 yang lain*. Dalam kes *Nafisah binti Azman lwn Samsudin bin Ali dan 1 yang lain*, hakim memutuskan bahawa plaintif menyumbang secara langsung dan tidak langsung kerana plaintif bekerja sebagai setiausaha di sebuah syarikat bagi membantu si mati dari segi kewangan bagi mengurus hal rumah tangga, seperti pembayaran bil elektrik, insurans rumah dan cukai

tanah. Plaintiff juga mendapatkan hak milik penuh terhadap kereta sebagai upah atas sumbangannya dalam pengurusan urusan pusaka arwah suaminya di pejabat kecil.

Selain itu, dalam kes *Sufiah binti Jahar lwn Noor Aini dan 3 yang lain, Heryati binti Md Daud lwn Sulaiman @ Salim bin Siraj dan 6 yang lain* dan *Surinilawati binti Abdul Wahid lwn Mohd Sifillah bin Nordin dan 1 yang lain*, hakim memutuskan bahawa $\frac{1}{2}$ kadar harta tidak alih diberikan kepada plaintiff kerana mahkamah menganggap bahawa isteri memberikan sumbangan yang besar walaupun tidak secara langsung dan isteri ialah suri rumah dan tidak bekerja. Menurut mahkamah, si isteri menyumbang secara tidak langsung kerana mengurus kerja rumah dan membantu mengurus anak ketika suami (si mati) bekerja. Oleh itu, penuntut layak berdasarkan keputusan mahkamah.

Seterusnya, dalam kes *Fatimah binti Hassan lwn Zulkiflee bin Yaacob*, mahkamah memutuskan bahawa $\frac{1}{4}$ bagi tanah 1 dan $\frac{1}{4}$ tanah 2 diberikan kepada plaintiff. Daripada keputusan tersebut juga, mahkamah menilai bahagian hak penuntut walaupun bercerai ketika suaminya (si mati) masih hidup. Harta tanah itu layak diberikan mengikut bahagian yang ditetapkan kepada plaintiff kerana dikira sumbangannya daripada hasil usaha milik antara suami dengan isteri dalam tempoh perkahwinan. Terdapat juga salinan bukti geran asal pada tanah yang mempunyai nama plaintiff dan si mati. Dalam kes *Abd Rahmat bin Abd Rahman lwn Baitumal*, hakim memutuskan bahawa 90% harta sepencarian milik plaintiff dan bakinya, iaitu 10%, milik si mati atas faktor sumbangan secara langsung oleh plaintiff yang sanggup berhenti kerja demi menjaga si mati (arwah suami) yang menghidap penyakit saraf tunjang di hospital.

Kes yang lain dianalisis ialah *Mohd Fauzan Khausan lwn Omiah Binti Mustafa dan 5 yang lain, Safrina binti Muhammad lwn Nyonya binti Osman dan 6 yang lain, Sahariffah Ruhana bt Syed Ar-Rahman lwn Abdul Malik bin Muda dan 5 yang lain* dan *Norhayani binti Abdullah lwn Pookujah binti Paiman dan 16 yang lain*. Kes ini bergantung pada beberapa faktor. Antaranya termasuklah sumbangan dalam bentuk wang, harta atau kerja dalam memperoleh harta, hutang yang ditanggung bagi manfaat bersama, serta keperluan anak yang belum dewasa. Tahap pendidikan isteri dan peranan isteri juga antara faktor lain yang relevan untuk dikemukakan sebagai keterangan. Kadangkala, isteri mempunyai kelulusan tinggi, namun memilih untuk tidak bekerja demi memberikan tumpuan terhadap keluarga dan menjaga kebajikan keluarga sewajarnya mendapat bahagian yang lebih besar berbanding dengan isteri berkelulusan rendah.

Hasil temu bual yang dilakukan terhadap informan 1 adalah seperti yang berikut:

“Tiada rujukan khusus kepada kadar pembahagian harta sepencarian yang diamalkan di negeri Johor. Penentuan kadar harta sepencarian akan berbeza mengikut negeri-negeri seperti yang ditentukan berdasarkan keputusan hakim-hakim di mahkamah. Banyak faktor lain untuk mahkamah menentukan kadar pemberian harta sepencarian, namun caranya adalah sama bergantung kepada penilaian mahkamah seperti bukti-bukti dan keterangan daripada pihak-pihak yang terlibat. Sekiranya tuntutan harta sepencarian dibuat selepas berlakunya kematian yang lama, untuk saya tentukan kadar pembahagian tersebut adalah dengan cara yang kurang sama sahaja, iaitu pihak-pihak waris bagi si mati mesti dikenal pasti. Ada juga kes apabila pihak tidak menuntut harta sepencarian walaupun dia adalah layak dan berhak pada tuntutan itu. Hal ini, berkemungkinan pihak tersebut dan tidak tahu atau mempunyai kurang maklumat berkaitan harta tuntutan sepencarian dan dia mengambil bahagian harta tersebut sebagai harta pusaka dan dibahagikan mengikut faraid. Pada keadaan ini, seharusnya dia boleh menuntut sebelum dibahagikan faraid dan boleh mempunyai dua bahagian harta yang sama banyak. Oleh yang demikian, pada kemungkinan berdasarkan situasi seperti ini, pihak suami atau isteri masih kurang memahami hak-hak mereka dalam perkahwinan justeru cadangan penambahbaikan perlu diutarakan dan dilaksanakan dengan lebih baik.”

Hal ini juga disokong oleh informan 2 dan informan 3 seperti yang dinyatakan seperti yang berikut:

“Ada beberapa faktor utama dalam menentukan pembahagian. Sumbangan kepada harta: Sumbangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat adalah faktor utama dalam menentukan kadar harta sepencarian. Keterangan dan Dokumen: Penentuan kadar harta sepencarian juga bergantung kepada keterangan yang diberikan, dokumen yang dilampirkan, dan keterangan daripada saksi. Kewujudan harta: Pihak yang membuat tuntutan perlu dapat membuktikan kewujudan harta yang dituntut. Terdapat kes-kes di mana pihak tidak dapat membuktikan kewujudan harta, yang boleh menyebabkan masalah dalam proses tuntutan. Tempoh perkahwinan: Hakim perlu memastikan bahawa harta yang dituntut diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Harta yang diperolehi sebelum perkahwinan

atau melalui pusaka tidak akan diambil kira dalam harta sepencarian. Semua faktor ini memainkan peranan penting dalam menentukan kadar harta sepencarian dalam kes kematian. Justeru tidak ada sebarang rujukan khusus yang boleh digunakan untuk dijadikan panduan, hanya merujuk kepada penyelesaian kes-kes terdahulu dan melihat kepada keterangan bukti.”

Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya berdasarkan kes yang dianalisis di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, elemen utama yang dinilai bagi menentukan kadar bahagian harta sepencarian ialah takat sumbangan bagi pihak yang terlibat. Tiada kadar khusus yang ditentukan, sama ada $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$, $\frac{1}{4}$ atau $\frac{3}{4}$ oleh mahkamah. Penentuan tahap sumbangan ini ditentukan mengikut budi bicara dan kebijaksanaan hakim berdasarkan had keterangan yang dapat diketengahkan oleh pihak penuntut terhadap tahap sumbangan yang diberikan. Mahkamah juga akan meneliti dengan lebih prihatin secara menyeluruh, serta mengambil kira perkara lain yang mungkin berkaitan untuk dipertimbangkan dalam penentuan tahap sumbangan untuk pihak yang menuntut. Kebanyakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru ditentukan mengikut pembuktian (rekod) dan tahap sumbangan pasangan suami isteri berdasarkan nilai kadar bahagian yang berbeza seperti kiraan bahagian 50:50, 90:10, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{2}$: $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$: $\frac{2}{3}$, $\frac{3}{4}$: $\frac{1}{4}$. Kiraan bahagian ini ialah pecahan kadar yang menjadi kebiasaan mahkamah dalam penentuan bahagian harta sepencarian di mahkamah.

Cadangan Penambahbaikan terhadap Kadar Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru

Dengan berdasarkan pandangan fuqaha dan kes yang dianalisis, terdapat perbezaan kadar dalam pembahagian harta antara kes tersebut. Bagi langkah penyeragaman terhadap kadar tersebut, jumlah minimum dan maksimum yang boleh diberikan kepada pasangan yang menuntut perlu ditetapkan. Contohnya, kadar harta, sepencarian boleh ditetapkan antara 30% hingga 50% daripada keseluruhan harta bergantung pada tahap sumbangan pasangan tersebut dalam perolehan harta sepanjang tempoh perkahwinan. Jika sumbangan pasangan lebih besar, kadar yang diperoleh mungkin lebih tinggi. Sebaliknya, jika sumbangan kurang, kadar yang diberikan lebih rendah, tetapi masih dalam lingkungan yang ditetapkan. Dengan kaedah penetapan ini, hak eksklusif boleh diberikan secara jelas kepada pihak yang menuntut supaya pihak ini lebih jelas dan faham

terhadap kiraan harta yang boleh dituntut.

Tambahan pula, mahkamah boleh memperkenalkan formula standard dalam penentuan kadar harta sepencarian berdasarkan faktor, seperti tempoh perkahwinan, sumbangan langsung dan tidak langsung, serta keadaan kewangan pasangan selepas penceraian atau kematian pasangan. Dalam formula ini, mahkamah boleh mengambil kira faktor tersebut, contohnya dari segi faktor tempoh perkahwinan, untuk menilai mengikut tempoh, iaitu pasangan yang berkahwin lebih lama lebih cenderung untuk mempunyai lebih banyak sumbangan bersama-sama terhadap pemilikan harta. Bagi keadaan kewangan pasangan selepas penceraian atau kematian pasangan, faktor yang dilihat ialah pasangan yang sangat bergantung pada harta sepencarian demi kelangsungan hidup lebih layak untuk menerima kadar yang lebih tinggi. Menurut Badriah Hasbullah (2017), penentuan kadar harta sepencarian oleh mahkamah perlu mempertimbangkan faktor ekonomi semasa dan sumbangan pasangan secara yang menyeluruh.

Walau bagaimanapun, tidak ada satu penilaian yang sama antara setiap kes tuntutan harta sepencarian, melainkan mahkamah akan melihat kadar sumbangannya dalam perolehan harta sepanjang tempoh perkahwinan (Khairani Nawawi, 2019). Kadar yang diberikan ini bergantung pada bukti, keterangan dan budi bicara mahkamah. Ada kes yang berkeputusan $\frac{1}{2}:\frac{1}{2}$ atau $\frac{1}{3}:\frac{2}{3}$ atau $\frac{1}{4}:\frac{3}{4}$. Bahkan, ada isteri yang tidak memperoleh sebarang tuntutan apabila tidak dapat mengemukakan bukti atau keterangan yang jelas. Hal ini disokong oleh informan 1 yang menyatakan bahawa tiap-tiap keputusan berbeza-beza berdasarkan apa-apa yang dibuktikan. Namun begitu, perkara ini lebih wajar dijelaskan dalam satu garis panduan dan formula kiraan yang standard bagi membantu masyarakat Islam agar lebih peka dan memahami kadar bahagian harta sepencarian.

Menurut Badriah Hasbullah (2017), sebaik-baiknya, satu garis panduan perlu diwujudkan khusus untuk pihak yang berkaitan, iaitu agensi yang terlibat dalam pengurusan harta selepas kematian. Cadangan ini turut menjelaskan bahawa setiap agensi yang terlibat dalam urusan harta sepencarian merupakan pihak yang berkepentingan dan perlu dimaklumkan secara jelas. Dari sudut pelaksanaan pula, agensi tersebut hendaklah memastikan, sama ada harta yang diurus tersebut tertakluk pada sebarang tuntutan harta sepencarian atau tidak. Contohnya, sekiranya ada harta sepencarian dituntut, pihak agensi, seperti agensi tanah, perlu menunggu kes itu dibicarakan sehingga keputusan diputuskan oleh mahkamah. Penentuan bahagian kadar harta perlu ditentukan oleh mahkamah terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada agensi yang terlibat terhadap harta

tersebut. Walaupun faraid sudah diputuskan dan diberitahu sedemikian, agensi tersebut perlu maklum dan penyelesaian dilakukan berdasarkan tuntutan syarak, iaitu mahkamah syariah mempunyai kuasa untuk mengarahkan waris untuk membayar balik bahagian yang menjadi hak harta sepencarian tersebut (Mohamad Ali Roshidi Ahmad, 2021). Dalam hal ini, perlu ada satu agensi yang bertindak sebagai pemaklumat.

Oleh hal yang demikian, garis panduan khusus bagi penentuan kadar tuntutan harta sepencarian wajar diwujudkan untuk memudahkan pihak lain, terutamanya pihak agensi yang mengurus harta sepencarian tersebut, di samping memudahkan urusan harta masyarakat Islam secara tersusun. Tambahan pula, dari sudut pelaksanaan keputusan mahkamah, hakim perlu diberi latihan berkala dan garis panduan khusus dalam penentuan kadar harta sepencarian supaya keputusan yang diputuskan lebih seragam dan berdasarkan keadilan prinsip Islam. Pembentukan garis panduan dan formula ini boleh dikaji secara perbandingan dengan negara lain yang mengamalkan prinsip harta sepencarian bagi membantu merangka dasar pembahagian harta yang lebih sistematik (Nurul Hidayah Tumadi, 2013).

KESIMPULAN

Secara rumusannya, kadar harta sepencarian diiktiraf dalam perbahasan fiqah, namun kedudukannya masih bersifat khilafiah yang bergantung pada pendekatan mazhab dan ijtihad ulama terhadap konsep pemilikan bersama antara suami dengan isteri. Dalam analisis kes di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru pula, didapati bahawa kadar harta sepencarian yang diputuskan bergantung pada fakta kes, harta yang dituntut, jumlah bahagian yang diputuskan berdasarkan alasan kehakiman, serta bentuk tuntutan yang dibuat, sama ada melalui persetujuan bersama atau sulh. Perbezaan kadar yang diberikan dalam kes terdahulu menunjukkan keperluan untuk menyeragamkan penentuan kadar harta sepencarian agar lebih jelas dan konsisten.

Kadar pembahagian harta sepencarian melalui kes yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru pula adalah pada nilai yang berbeza-beza seperti kiraan bahagian 50:50, 90:10, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{2}$: $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$: $\frac{2}{3}$, $\frac{3}{4}$: $\frac{1}{4}$. Kiraan bahagian ini ialah pecahan kadar yang menjadi kebiasaan mahkamah berdasarkan fakta dan bukti kes yang dibicarakan. Mahkamah juga melakukan pembahagian harta berdasarkan hasil usaha atau sumbangan oleh suami atau isteri. Tahap sumbangan ditentukan berdasarkan budi bicara dan kebijaksanaan hakim dengan mengambil kira keterangan yang

diketengahkan oleh penuntut. Malah, pihak mahkamah akan menilai pelbagai faktor yang relevan, termasuklah tahap pendidikan isteri dan potensi kerjaya sekiranya diberikan peluang.

Oleh itu, kajian ini mengemukakan satu langkah penambahbaikan, iaitu pengenalan garis panduan dan formula yang lebih jelas. Langkah tersebut ialah penetapan kadar minimum dan kadar maksimum harta sepencarian yang boleh diberikan berdasarkan faktor, seperti tempoh perkahwinan, sumbangan langsung dan tidak langsung, serta keperluan kewangan pihak yang menuntut. Semua cadangan ini penting dalam pembinaan keadilan dan keseragaman penentuan kadar harta sepencarian selepas kematian. Penyelarasan undang-undang dan penerapan formula yang lebih sistematik bukan sahaja dapat memastikan keadilan terhadap pasangan yang masih hidup, tetapi juga melindungi hak waris dalam pembahagian harta pusaka.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru kerana menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk menyelesaikan penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nur Hanis Shafinaz Mahat: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah dan penyediaan makalah akhir; Norhoneydayatie Abdul Manap: Semakan, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd. Kadir Hj. Ismail. (1983). *Harta sepencarian menurut pandangan Islam*. Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. (2003, 21 Oktober). *Faktor-faktor penangguhan kes-kes mal di mahkamah syariah di Malaysia berasaskan kepada fail-fail kes mahkamah* [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah. Kuala Lumpur.
- Arahan Amalan No. 5 Tahun 2008 JKSM.
- Azlina Abd. Latiff. (2004). *Harta sepencarian: Pelaksanaan dan penilaian menurut hukum Syarak* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badriah Hasbullah. (2017). *Locus standi waris dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian di mahkamah syariah di Malaysia*. [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.
- Kamarul Azmi, & Azhar Muhammad. (2006). Pengabaian tanggungjawab suami terhadap hak isteri di kalangan orang Melayu. Dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Penyunting), *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Khairani Nawawi. (2019). *Tuntutan harta sepencarian dan amalan penyelesaian: Kajian terhadap kes-kes mal di Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Miszari, Sitiris, Akmal Hidayah, & Halim. (2010). *Tuntutan harta sepencarian dalam kes kematian* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2021). Permasalahan tuntutan harta sepencarian dalam pembahagian harta pusaka. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 24(2), 118–131. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no2.352>
- Mohd Anuar Ramli, Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Mohammad Aizat Jamaludin. (2024). Elemen sumbangan dalam pembahagian harta sepencarian: Pengalaman kaum wanita Melayu di Malaysia. *Esteem Academic Journal*, 8(2), 77–92.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Raihanah Abdullah. (2016). Amalan pembahagian harta sepencarian di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 75–88. <http://doi.org/10.22452/JSLR.vol1no1.4>

- Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2017, 13 Julai). Ulasan kes: Norhayati binti Yusoff lwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2), 255–262.
- Mohd Shukri Ahmad. (2019). Harta sepencarian dalam undang-undang Islam dan aplikasinya di Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal Syariah dan Undang-undang Islam*, 27(2), 45–60.
- Mohd Zamro Muda. (2018, 3 Februari). Hak pasangan tuntutan harta sepencarian. *Berita Harian*.
- Mualimin Mochammad Sahid, & Setiyawan Gunard. (2019). Konsep uruf dan masalah sebagai sumber rujukan: Kajian status harta sepencarian dalam perundangan Islam di Malaysia. *Seminar Serantau Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI)*, UNISSA Brunei (hlm. 272–290).
- Muhammad Adilah Supardan. (2023). *Kedudukan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai harta sepencarian* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Taifor Ahmad Rusdi. (2020). *Harta sepencarian: Klasifikasi, prosuder dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Nurul Hidayah Tumadi. (2013). *Harta gono gini menurut undang-undang Indonesia dan harta sepencarian menurut undang-undang Malaysia* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rabi'ah Muhammad Serji, Mazliza Mohamad, Safinaz Mohd Hussein, & Mahmud Zuhdi Mohd Nor. (2021). Harta sepencarian: Isu dan konflik perundangan dalam tuntutan selepas kematian dari perspektif undang-undang tanah di Malaysia. *ISLĀMIYYĀT*, 43(*Isu khas*), 43–53. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-04>
- Siti Zalikah Md. Nor. (1996). *Pemilikan harta dalam perkahwinan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sitiris, M., & Halim, A. H. (2010, Mac). Tuntutan harta sepencarian dalam kes kematian. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 22(1), 26–46.
- Suwaid Tapah. (2003). Konsep dan amalan pembahagian harta sepencarian di Malaysia. Dlm. Tajul Aris Ahmad Bustami, Farid Sufian Shuaib & Mohd Hisham Mohd Kamal (Penyunting), *Siri isu-isu Mahkamah Syariah: Harta sepencarian – prosiding ex parte perintah injunksi*, Law Centre AIKOL.
- Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran (Edisi ke-22). (2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Zaleha Kamruddin. (2009). Hukum harta sepencarian dari sudut pandangan wanita peneroka FELDA. Dlm. Akmal Hidayah Halim, Badruddin Hj Ibrahim & Farid Sufian Shuaib (Penyunting), *Undang-undang Harta dan Amanah*, Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Zanariah Noor, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, & Husna Husain. (2023). An analysis of harta sepencarian cases in the syariah high court of Ipoh. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(3), 87 –102.

Zarinna Abu Zarin, & Hamidah Mat. (2024). Isu-isu berkaitan pengurusan tuntutan harta sepencarian di Malaysia. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9)*.

KES

2212-H0101-213-0033
2302-H0301-213-0064
2303-H0301-213-0102
2304-H0301-213-0149
2305-H0201-213-0174
2305-H0201-213-0205
2305-H0301-213-0199
2306-H0201-213-0227
2307-H0301-213-0241
2308-H0101-213-0293
2309-H0201-213-0372
2311-H0101-213-0557
2406-H0301-213-0414